

Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ
عَقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾
وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali-Imran: 137 – 139)

Ayat di atas menerangkan konsep memahami sunnatullah dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kesan memahami sunnatullah. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat. [4 markah]
- (b) Sabda Rasullullah SAW :

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : سَبَعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا
ظِلُّهُ : الإمام العادل , وشابٌّ نشأ في عبادة ربه , ورجلٌ قلبه معلقٌ في المساجد ,
ورجلانٍ تحاببا في الله اجتمعا عليه وتفرقا عليه , ورجلٌ طلبته امرأةٌ ذاتٌ منصبٍ
وجمالٍ فقالت : إني أخاف الله , ورجلٌ تصدَّقَ أخفى حتى لا تعلمَ شماله ما تنفقُ
يمينه , ورجلٌ ذكرَ الله خالياً ففاضت عيناه.

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan golongan yang mendapat naungan daripada Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan **dua** golongan yang mendapat naungan daripada Allah SWT. [2 markah]
- (ii) Jelaskan contoh seseorang yang menyembunyikan sedekah. [2 markah]
- (iii) Terangkan cara menjauhi perbuatan maksiat. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (iv)

Pada masa kini, masyarakat dilihat kurang melibatkan diri dengan aktiviti anjuran masjid.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah langkah yang boleh dilaksanakan untuk menarik minat masyarakat datang ke masjid ? [4 markah]

- (c) Nyatakan hukum bagi *mad lazim* yang berikut.

	اَلَمْ (i)
	عَسَقَ (ii)

[2 markah]

2. (a) Beriman dengan nama Allah SWT akan melahirkan seorang hamba yang sentiasa mentaati perintah dan menjauhi larangan-Nya.

(i) Apakah maksud al- Raqib? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al- Raqib. [4 markah]

Syair Arab ada menyatakan : “Jika suatu hari kamu sedang bersendirian, maka janganlah kata aku bersendirian, akan tetapi katakanlah ada Allah SWT yang mengawasiku”.
--

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda akibat tidak beriman kepada al- Raqib. [4 markah]

- (b) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terbatal.

(i) Berikan **dua** contoh perbuatan yang membatalkan iman. [2 markah]

(ii) Nyatakan syarat terbatal iman. [2 markah]

(iii) Jelaskan kesan kepada seseorang muslim yang melakukan perbuatan membatalkan iman. [2 markah]

(iv) Terangkan **dua** cara anda menjauhi perbuatan yang membatalkan iman. [4 markah]

3. (a) Firman Allah SWT: “Dan Allah SWT mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah bagi sesiapa yang mampu sampai kepadanya”

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(Surah al- Imran : 97)

- (i) Senaraikan **empat** rukun haji. [4 markah]
- (ii) Nyatakan larangan ihram dari aspek pakaian. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan haji dan umrah. [4 markah]
- (b) Perkahwinan ialah akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak.
- (i) Berikan maksud walimatulurus. [2 markah]
- (ii) Nyatakan adab walimatulurus. [2 markah]
- (iii) Jelaskan tujuan pensyariatan walimatulurus. [2 markah]
- (c)

Masyarakat pada masa kini lebih mementingkan adat dalam meraikan majlis walimatulurus berbanding dengan majlis yang menepati syariah Islam.

Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan pendapat anda mengapakah Islam menganjurkan supaya diadakan majlis walimatulurus yang menepati syariah Islam. [4 markah]

4. (a) Keunggulan dan kehebatan kerajaan Uthmaniyah menjadi kebanggaan dalam tamadun Islam.

- (i) Nyatakan **dua** nama sultan yang terkenal pada zaman kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek keilmuan. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh di ambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. [4 markah]
- (b) Imam Syafie r.a. merupakan imam mazhab yang terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** riwayat hidup Imam Syafie r.a. secara ringkas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Imam Syafie r.a. terhadap tamadun Islam. [4 markah]
- (iii)

Imam Syafie r.a. sanggup bermusafir jauh dan berguru dengan ramai tokoh ilmuan yang terkemuka demi menuntut ilmu pengetahuan.

- Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mengambil iktibar daripada kesungguhan Imam Syafie r.a. Huraikan. [4 markah]

5. (a) Setiap insan mempunyai hak istimewa yang perlu kita hormati. Begitu juga bagi insan yang istimewa seperti orang kurang upaya (OKU).

- (i) Nyatakan maksud orang kurang upaya? [2 markah]

- (ii) Jelaskan adab menjaga orang kurang upaya dari segi emosi. [2 *markah*]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah beradab dengan orang kurang upaya. [4 *markah*]
- (b) Alam sekitar adalah salah satu bukti kekuasaan dan kebesaran Allah SWT.
- (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 *markah*]
- (ii) Jelaskan adab menjaga alam sekitar. [2 *markah*]
- (iii) Terangkan **dua** faktor berlaku pencemaran alam sekitar. [4 *markah*]



- (iv) Gambar di atas merupakan salah satu contoh pencemaran terhadap alam sekitar.

Pada pendapat anda, apakah langkah yang sesuai dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar. Huraikan. [4 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT